

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 5/2019:

**PERKHIDMATAN MENERBIT, MENCETAK DAN MEMBEKAL LAPORAN TAHUNAN
SME CORP. MALAYSIA 2018**

Garis Panduan ini disediakan untuk Pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi menerbit dan membekal 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018'. Pembekal adalah dikehendaki untuk menyediakan perkhidmatan kepada SME Corp. Malaysia yang meliputi perkara-perkara berikut:

- 1) Menyediakan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan Typesetting
- 2) Mencetak dan membekal Buku 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' sebanyak **650 naskah** secara Cetakan Offset
- 3) Mencetak dan membekal Kertas Pelekat (Paper Sticker) sebanyak **100** keping tertera 'Kertas Statut', **60** keping tertera 'Lampiran' dan **60** keping tertera 'Embargo' untuk ditampal pada buku laporan tahunan
- 4) Membekal 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' dalam bentuk soft copy yang dicetak dalam CD sebanyak **350** salinan, berserta Bekas Simpanan (Case) CD dan Kertas Kulit Bercetak (Printed Cover Paper)
- 5) Mencetak dan membekal Kertas Pelekat (Paper Sticker) sebanyak **260** keping tertera 'Kertas Statut' untuk ditampal pada Bekas Simpanan CD dan sebanyak **260** keping tertera 'Nombor Statut' untuk ditampal pada CD
- 6) Menampal Kertas Pelekat (Paper Sticker) tertera 'Kertas Statut' pada **90** naskah Buku 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018', tertera 'Kertas Statut' pada **260** unit Bekas Simpanan CD dan tertera 'Nombor Statut' pada **260** keping CD
- 7) Membuat penghantaran 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' sebanyak **90** naskah Buku dan **250** salinan soft copy dalam bentuk CD yang lengkap ditampal Kertas Pelekat (*Paper Sticker*) ke Parlimen Malaysia

I) SKOP KERJA

A) Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan Typesetting

1) Penyediaan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan Typesetting:

Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi dalam penyediaan 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018':

- a) Menyediakan sekurang-kurangnya **lima (5)** Konsep Kreatif berserta Rasional Reka Bentuk (berdasarkan **tema yang ditetapkan** oleh SME Corp. Malaysia) bagi Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*) yang dapat memaparkan isi kandungan buku tersebut untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangan Konsep Kreatif Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*) berkemungkinan akan perlu ditambah, tertakluk kepada budi bicara SME Corp. Malaysia
- b) Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang dicadangkan perlu berasaskan:

- i) Tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia
 - ii) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia
 - iii) Melambangkan imej Malaysia
 - iv) Imej berciri korporat
- c) Menyediakan reka bentuk untuk setiap muka surat berdasarkan tema untuk setiap bab
 - d) Menyediakan Konsep Kreatif, Typesetting, Reka Bentuk Dalam bagi setiap muka surat yang meliputi Isi Kandungan (Content), Pembahagi Bab (Chapter Separators), Graf (Graphs), Diagram (Diagrams), Carta (Charts), Jadual (Tables), Gambar (Photos), Imei (Images) dan sebagainya
 - e) Menyediakan Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual) yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Reka Bentuk Grafik haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz Reka Bentuk Grafik haruslah bersesuaian iaitu tidak terlalu menonjol / besar atau terlalu kecil
 - f) Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang menarik (dari segi susunan tataletak / layout, penggunaan warna, ruang dan sebagainya) yang memenuhi standard dan keperluan SME Corp. Malaysia serta berdasarkan budi bicara SME Corp. Malaysia

2) **Spesifikasi Buku:**

- a) Jenis Kertas untuk Kulit Buku (Book Cover):
Pembekal perlu mencadangkan sekurang-kurangnya tiga (3) opsyen jenis kertas untuk Kulit Buku
- b) Jenis Kertas untuk Halaman Dalam Buku (Inner Pages):
Pembekal perlu mencadangkan sekurang-kurangnya tiga (3) opsyen jenis kertas untuk Halaman Dalam Buku
- c) Ukuran Buku:
20.3cm x 25.5cm (saiz tutup)
40.6cm x 25.5cm (saiz buka)
Flip Page (selepas Kulit Depan / *Front Cover*): 8.5cm x 25.5cm
- d) Bilangan Muka Surat:
190 - 230 muka surat (tidak termasuk Kulit Buku / *Book Cover*)
- e) Cetakan:
Cetakan Offset: 4 Warna / 4-Colour
(Kulit Buku dan Halaman Dalam Buku)
Jumlah Cetakan: **650** naskah
- f) Jilid:
Jahit Benang + Gam (*Perfect Binding*)
- g) Kemasan Kulit Buku:
Matt lamination, Spot UV & Emboss / Deboss

3) **Spesifikasi CD:**

- a) Jumlah: **350** keping
- b) Saiz: 700 MB
- c) Permukaan atas CD mempunyai Reka Bentuk Kulit Depan (*Cover Design*) samada dicetak atau berpelekat
- d) Menyediakan Bekas Simpanan (Case) CD berserta Kertas Kulit Bercetak (Printed Cover Paper)

4) **Spesifikasi Kertas Pelekat (Paper Sticker):**

- a) Pelekat (*Sticker*) tertera 'Kertas Statut' untuk Buku:
Saiz: 20.3cm x 5cm
Kuantiti: **100** keping

- b) Pelekat (*Sticker*) tertera 'Lampiran' untuk Buku:
Saiz: 4cm x 1.5cm
Kuantiti: **60** keping
- c) Pelekat (*Sticker*) tertera 'Embargo' untuk Buku:
Saiz: 11cm x 3.5cm
Kuantiti: **60** keping
- d) Pelekat (*Sticker*) tertera 'Kertas Statut' untuk Cover CD:
Saiz: 12cm x 3cm
Kuantiti: **260** keping
- e) Pelekat (*Sticker*) tertera 'Nombor Statut' untuk CD:
Saiz: 5cm x 1cm
Kuantiti: **260** keping
- f) Teks untuk Pelekat (*Sticker*) tertera 'Embargo', 'Kertas Statut' dan 'Nombor Statut':
Akan diberikan kepada Pembekal oleh SME Corp. Malaysia

5) Fotografi, Gambar, Imej dari Image Bank dan Ilustrasi Vektor:

- a) Pembekal perlu menyediakan Jurugambar Profesional bagi kerja-kerja *live photography* untuk sesi fotografi khas Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan SME Corp. Malaysia, serta gambar-gambar berkaitan termasuk gambar personaliti, PKS atau agensi yang ditemubual, sekiranya diperlukan, untuk dimuatkan dalam 'Laporan Tahunan 2018'. SME Corp. Malaysia hanya akan menyediakan gambar-gambar program dan aktiviti organisasi yang terdapat di dalam simpanannya sahaja
- b) Pembekal perlu menyediakan gambar atau imej stok (stock photos / images) bagi setiap bab dan muka surat dalam 'Laporan Tahunan 2018'. Jumlah gambar dan imej stok dianggarkan sebanyak **50 keping**. Pembekal perlu menyediakan imej daripada *image bank* atau ilustrasi vektor. Sebarang kos penggunaan imej daripada image bank atau ilustrasi vektor tersebut adalah ditanggung oleh Pembekal

6) Artwork dan Mock-up:

Pembekal adalah dikehendaki bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- a) Menyediakan Work-in-Progress Artwork (sekurang-kurangnya **3** salinan) dan Work-in-Progress Mockup (**2** salinan) dalam bentuk cetakan digital untuk semakan SME Corp. Malaysia
- b) Menyediakan Artwork Akhir (Final Artwork) (sekurang-kurangnya **3** salinan) dan Final Mock-up (**2** salinan) dalam bentuk cetakan digital untuk semakan, pengesahan dan kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum proses mencetak
- c) Menyemak dan membaca pruf (proofreading) dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, reka bentuk, *visual, layout*, format dan penyeragaman (*standardisation*) pada Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual)
- d) Menyediakan Pruf Warna (Colour Proof) (sekurang-kurangnya **50** muka surat) yang perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. Pruf Warna perlu dibuat menggunakan cetakan daripada filem
- e) SME Corp. Malaysia berhak menolak Pruf Warna yang kurang berkualiti
- f) Menyedia dan memastikan filem untuk Pruf Warna disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula, jika diperlukan
- g) Artwork Akhir (Final Artwork) 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak

7) International Standard Serial Number (ISSN):

International Standard Serial Number (ISSN) untuk 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia' akan diserahkan kepada Pembekal untuk dicetak di halaman pertama 'Laporan Tahunan 2018'

B) Kerja-kerja Kawalan Kualiti dan Pembekalan

- 1) Selain melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan visual, Pembekal perlu memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:
 - a) Pembekal perlu bertanggungjawab terhadap Kawalan Kualiti (*Quality Control*) bagi memastikan gambar, imej, reka bentuk grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual) dan lain-lain yang berkaitan adalah berkualiti mengikut standard
 - b) Pembekal perlu menyerahkan *Artwork Akhir (Final Artwork)* sebelum Pruf Warna (*Colour Proof*) dibuat untuk semakan, pengesahan dan kelulusan oleh SME Corp. Malaysia sebelum *Final Mockup* dibuat dan proses cetakan

C) Pereka Grafik

1) Pereka Grafik Mesti Berpasukan

Pembekal perlu menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pereka Grafik yang akan bekerja secara berpasukan di mana salah seorang daripadanya mestilah berstatus Pereka Grafik Kanan (*Senior Graphic Designer*)

2) Pekerja Tetap dengan Pembekal

Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal mestilah berstatus pekerja tetap dengan Pembekal. Pekerja sambilan adalah tidak dibenarkan kecuali mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan laporan tahunan.

3) Kelayakan Pendidikan

Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Diploma *Art & Design (Graphic Design / Visual Communication)* dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya

4) Pengalaman Kerja

a) Pereka Grafik

- i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama **5 tahun** dalam bidang Reka Bentuk Grafik dan pernah mengendalikan penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan dari segi penyediaan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja *typesetting*

b) Pereka Grafik Kanan (Senior Graphic Designer)

- i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama **10 tahun** dalam bidang Reka Bentuk Grafik
- ii) Mempunyai pengalaman dan kemahiran tinggi dalam menyediakan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja *typesetting* untuk penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan

5) Mempunyai Peralatan dan Perisian Lengkap

Pembekal perlu membekalkan Pereka Grafik yang ditugaskan dengan peralatan dan perisian yang lengkap bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan konsep, reka bentuk grafik, *typesetting* dan lain-lain kerja yang berkaitan

6) Bekerja di Premis SME Corp. Malaysia di Luar Waktu Pejabat, Hujung Minggu dan Cuti Umum

Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal perlu bersedia untuk bekerja di premis SME Corp. Malaysia, di luar waktu pejabat, hujung minggu dan cuti umum, apabila diperlukan dan pada peringkat akhir / pemuktamadan (*finalisation*), bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia

7) Profil, Surat Pelantikan. Senarai dan Salinan Laporan Tahunan

Pembekal perlu mengemukakan:

- a) Profil Pereka Grafik
- b) Surat Pelantikan Pereka Grafik (status pelantikan sebagai pekerja tetap)
- c) Senarai dan Salinan Laporan Tahunan yang pernah dikendalikan oleh Pereka Grafik berkenaan

D) Percetakan dan Pembekalan

- 1) Mencetak dan membekal 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' sebanyak **650 naskah** dalam bentuk buku dan sebanyak **350 salinan soft copy** dalam bentuk CD
- 2) Membuat penghantaran buku dan salinan CD 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' ke SME Corp. Malaysia dan Parlimen Malaysia (untuk pembentangan di Parlimen) dalam tempoh masa dan pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia
- 3) Menyerahkan **dua (2)** salinan softcopy Artwork Akhir (Final Artwork) dalam CD dalam format PDF dan Adobe InDesign untuk 'Laporan Tahunan 2018' dan juga Kertas Kulit CD kepada SME Corp. Malaysia
- 4) Menyerahkan **dua (2)** salinan Salinan Induk (Masterfile) (iaitu fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) bagi Artwork Akhir (Final Artwork) untuk 'Laporan Tahunan 2018 SME Corp. Malaysia' dan juga Kertas Kulit CD kepada SME Corp. Malaysia
- 5) Berupaya untuk mencetak 'Laporan Tahunan 2018' dalam jangkamasa 10 hari bekerja (2 minggu termasuk hujung minggu) selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia
- 6) 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' dengan segala maklumat, gambar dan reka bentuk grafik yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan dan penerbitan semula 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' dan sebarang bahagian laporan tahunan ini oleh mana-mana pihak lain adalah tidak dibenarkan tanpa persetujuan bertulis daripada SME Corp. Malaysia
- 7) Penghantaran sebanyak **650 naskah buku** dan **350 salinan CD** perlu dibuat dalam tempoh masa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Penghantaran lewat akan dikenakan surcaj mengikut kadar yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia yang akan ditolak daripada nilai kontrak yang dipersetujui

II) SYARAT-SYARAT

Pembekal perlulah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 1) Mempunyai status Syarikat Bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- 2) a) Mempunyai kod bidang yang bersesuaian seperti berikut:
221601, 221613, 221614, 221615
b) Menyertakan sijil-sijil berkenaan yang sah sebagai bukti

- 3) Mengemukakan Profil Syarikat
- 4) Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah **semasa menawarkan sebut harga**:
 - a) Sekurang-kurangnya **lima (5) Cadangan Reka Bentuk (Proposed Designs)** yang mencerminkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia, dalam bentuk Visual Mock-up kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i) Reka bentuk Kulit Depan (*Front Cover*)
 - ii) Reka bentuk Kulit Belakang (*Back Cover*)
 - iii) Reka bentuk Pembahagi Bab (*Chapter Separators*)
 - iv) Reka bentuk Halaman Dalam Buku (*Inner Pages*)
 - v) Reka bentuk Halaman Tengah (*Centre Spread*) yang unik dan berdasarkan Konsep Kreatif
 - vi) Reka bentuk Graf, Diagram, Carta dan Jadual
 - b) Contoh jenis kertas yang dicadangkan
 - c) Contoh laporan tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan yang pernah diterbitkan oleh Pembekal
- 5) Menyediakan khidmat sekurang-kurangnya dua (2) orang Pereka Grafik yang akan bekerja secara berpasukan di mana salah seorang daripada mereka mestilah berstatus Pereka Grafik Kanan (Senior Graphic Designer) yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama 10 tahun dalam bidang Reka Bentuk Grafik dan pernah mengendalikan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan.

Pembekal perlu mengemukakan perkara-perkara berikut semasa menawarkan sebut harga:

- a) Profil Pereka Grafik
 - b) Surat Pelantikan Pereka Grafik (status pelantikan sebagai pekerja tetap)
 - c) Senarai dan Salinan Laporan Tahunan yang pernah dikendalikan oleh Pereka Grafik berkenaan
- 6) Pemilihan Pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan. Hanya Pembekal yang berjaya sahaja akan dihubungi
 - 7) Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada Pembekal pada bila-bila masa sekiranya Pembekal:
 - a) Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui
 - b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat berkaitan Pereka Grafik
 - d) Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan
 - 8) Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois daripada Pembekal
 - 9) Pembekal perlu memberikan **Kos bagi Menerbit dan Membekal 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018'** secara terperinci mengikut pecahan yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A1** dan melengkapkan **Jadual Pematuhan** di bawah. **Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.**

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
A	PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK	
A1	<u>Kulit Depan:</u> Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk Kulit Buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku. Logo SME Corp. Malaysia hendaklah di paparkan di muka depan buku	
A2	<u>Kulit Belakang:</u> Logo SME Corp. Malaysia hendaklah dipaparkan di kulit belakang buku	
A3	<u>Konsep Kreatif dan Reka Bentuk</u> yang dicadangkan <u>perlu berdasarkan:</u> a) <u>Tema yang ditetapkan</u> oleh SME Corp. Malaysia b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia c) Melambangkan imej Malaysia d) Imej berciri korporat	
A4	Menyediakan <u>Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang menarik</u> (dari segi susunan tataletak / <i>layout</i> , penggunaan warna, ruang dan sebagainya) yang <u>memenuhi standard dan keperluan SME Corp. Malaysia</u> serta <u>berdasarkan budi bicara SME Corp. Malaysia</u>	
A5	Menyediakan: a) <u>Work-in-Progress Artwork</u> (Cetakan Digital) (Sekurang-kurangnya 3 salinan) b) <u>Work-in-Progress Mockup</u> (Cetakan Digital) (2 salinan) c) <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> (Cetakan Digital) (Sekurang-kurangnya 3 salinan) d) <u>Final Mock-up</u> (Cetakan Digital) (2 salinan)	
A6	Menyediakan <u>Pereka Grafik yang Berpengalaman</u> dengan Ciri-ciri berikut: 1) <u>Pereka Grafik Mesti Bekerja Berpasukan:</u> Pembekal perlu menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pereka Grafik yang akan bekerja secara berpasukan di mana salah seorang daripadanya mestilah berstatus <u>Pereka Grafik Kanan</u> (<i>Senior Graphic Designer</i>)	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<p>2) <u>Pekerja Tetap dengan Pembekal:</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal mestilah Berstatus pekerja tetap dengan Pembekal. Pekerja sambilan adalah tidak dibenarkan kecuali mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan laporan tahunan</p> <p>3) <u>Kelayakan Pendidikan:</u> Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Diploma <i>Art & Design (Graphic Design / Visual Communication)</i> dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya</p> <p>4) <u>Pengalaman Kerja:</u></p> <p>a) <u>Pereka Grafik:</u></p> <p>i) Mempunyai pengalaman <u>sekurang-kurangnya selama 5 tahun</u> dalam bidang Reka Bentuk Grafik</p> <p>ii) <u>Pernah mengendalikan</u> penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan dari segi penyediaan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja <i>typesetting</i></p> <p>b) <u>Pereka Grafik Kanan (Senior Graphic Designer):</u></p> <p>i) Mempunyai pengalaman <u>sekurang-kurangnya selama 10 tahun</u> dalam bidang Reka Bentuk Grafik</p> <p>ii) Mempunyai <u>pengalaman dan kemahiran tinggi</u> dalam menyediakan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja <i>typesetting</i> untuk penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan</p> <p>5) <u>Mempunyai Peralatan dan Perisian Lengkap:</u> Pembekal perlu membekalkan Pereka Grafik yang ditugaskan dengan peralatan dan perisian yang lengkap bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan konsep, reka bentuk grafik, <i>typesetting</i> dan lain-lain kerja yang berkaitan</p> <p>6) <u>Bekerja di Premis SME Corp. Malaysia di Luar Waktu Pejabat, Hujung Minggu dan Cuti Umum:</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal perlu bersedia untuk bekerja di premis SME Corp. Malaysia, di luar waktu pejabat, hujung minggu dan cuti umum, apabila diperlukan dan pada peringkat akhir / pemuktamadan (<i>finalisation</i>), bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia</p>	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<p>7) <u>Profil, Surat Pelantikan. Senarai dan Salinan Laporan Tahunan:</u> Pembekal perlu mengemukakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Profil Pereka Grafik b) Surat Pelantikan Pereka Grafik (status pelantikan sebagai pekerja tetap) c) Senarai dan Salinan Laporan Tahunan yang pernah dikendalikan oleh Pereka Grafik berkenaan 	
B	KERJA-KERJA KAWALAN KUALITI	
B1	<p><u>Menyemak dan membaca pruf (proofreading)</u> dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, reka bentuk, <i>visual, layout</i>, format dan penyeragaman (<i>standardisation</i>) pada Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual)</p>	
B2	<p>Menyediakan <u>Artwork Akhir Berwarna (Coloured Final Artwork)</u> untuk kelulusan sebelum Pruf Warna (<i>Colour Proof</i>)</p>	
B3	<p>Menyediakan <u>Pruf Warna (Colour Proof)</u> sekurang-kurangnya 50 muka surat untuk kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum cetakan dibuat</p>	
C	SPESIFIKASI BUKU	
C1	<p><u>Jenis Cetakan:</u> <u>Cetakan Offset:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 Warna / 4-Colour 	
C2	<p><u>Jumlah Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 650 naskah 	
C3	<p><u>Jenis Kertas:</u> <u>Kulit Buku (Book Cover):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 Warna / 4-Colour • Pembekal perlu mencadangkan sekurang-kurangnya tiga (3) opsyen jenis kertas untuk Kulit Buku 	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<p><u>Halaman Dalam Buku (Inner Pages):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas dicadangkan oleh Pembekal • Pembekal perlu mencadangkan sekurang-kurangnya <u>tiga (3)</u> <u>opsyen</u> jenis kertas untuk Halaman Dalam Buku <p><u>Kemasan Kulit Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Matt lamination, Spot UV & Emboss / Deboss</i> 	
C4	<p><u>Ukuran Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Saiz Tutup:</u> 20.3cm x 25.5cm • <u>Saiz Buka:</u> 40.6cm x 25.5cm • <u>Flip Page</u> (selepas Kulit Depan / <i>Front Cover</i> atau Kulit Belakang / <i>Back Cover</i>): 8.5cm x 25.5 cm 	
C5	<p><u>Jilid:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jahit Benang + Gam (<i>Perfect Binding</i>) 	
C6	<p><u>Bilangan Muka Surat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 190 - 230 muka surat 	
D	SPESIFIKASI CD	
D1	<p><u>Jumlah CD:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 350 keping 	
D2	<p><u>Saiz CD:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 700 MB 	
D3	<p><u>Permukaan atas CD</u> samada dicetak atau berpelekat <u>Reka Bentuk Kulit Depan</u> (<i>Cover Design</i>).</p>	
D4	<p>Menyediakan <u>Bekas Simpanan (Case) CD</u> berserta <u>Kertas Kulit Bercetak</u> (<i>Printed Cover Paper</i>)</p>	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
E	SPEKIFIKASI KERTAS PELEKAT (PAPER STICKER)	
E1	<p><u>Pelekat (Sticker) untuk Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 'Kertas Statut' (100 keping) • Saiz: 20.3cm x 5cm • Warna: Hitam / Putih • Untuk ditampal pada buku 	
E2	<p><u>Pelekat (Sticker) untuk Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 'Lampiran' (60 keping) Saiz: 4cm x 1.5cm • 'Embargo' (60 keping) Saiz: 11cm x 3.5cm • Warna: Hitam / Putih • Untuk ditampal pada buku 	
E3	<p><u>Pelekat (Sticker) untuk CD:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 'Kertas Statut' untuk Bekas Simpanan (Case) CD (260 keping) Saiz: 12cm x 3cm • 'Nombor Statut' untuk CD (260 keping) Saiz: 5cm x 1cm • Warna: Hitam / Putih • Untuk ditampal pada Bekas Simpanan (Case) CD dan CD 	
F	PEMBEKALAN GAMBAR DAN IMEJ	
F1	Membekal gambar atau imej dari <i>Image Bank</i> dan Ilustrasi Vektor dalam anggaran 50 keping	
F2	Sesi fotografi khas (<i>live photography</i>) untuk Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan serta gambar-gambar berkaitan termasuk gambar personaliti, PKS atau agensi yang ditemubual oleh Jurugambar Profesional yang dilantik oleh Pembekal (jika diperlukan)	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
F3	Membekal gambar atau imej stok (<i>stock photos / images</i>) dalam anggaran 50 keping meliputi: <ol style="list-style-type: none"> Gambar berkaitan PKS Imej dari <i>Image bank</i> Ilustrasi Vektor 	
G	PEMBEKALAN ‘LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2018’	
G1	<u>Buku:</u> <u>Jumlah:</u> 650 naskah	
G2	<u>CD:</u> <u>Jumlah:</u> 350 keping	
G3	<u>Pelekat (Sticker) untuk Buku:</u> <ul style="list-style-type: none"> ‘Kertas Statut’ (100 keping) ‘Lampiran’ (60 keping) ‘Embargo’ (60 keping) 	
G4	<u>Pelekat (Sticker) untuk CD:</u> <ul style="list-style-type: none"> ‘Kertas Statut’ untuk Bekas Simpanan (Case) CD (260 keping) ‘Nombor Statut’ untuk CD (260 keping) 	
G5	Berupaya untuk mencetak ‘Laporan Tahunan 2018’ dalam jangkamasa 10 hari (2 minggu termasuk hujung minggu) selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia	
H	PENGHANTARAN ‘LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2018’	
H1	<u>Membuat Penghantaran Buku dan CD:</u> <ul style="list-style-type: none"> Penghantaran buku dan salinan CD ‘Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018’ ke SME Corp. Malaysia dan Parlimen Malaysia perlu dibuat dalam tempoh masa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia 	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<ul style="list-style-type: none"> SME Corp. Malaysia berhak untuk mengenakan surcaj ke atas penghantaran lewat daripada tempoh masa atau tarikh yang dipersetujui berdasarkan formula berikut: Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan (LAD - <i>Liquidated & Ascertained Damages</i>) = $\frac{\text{Kadar Pinjaman Asas (BLR)}}{100} \times \frac{\text{Kos Projek}}{365}$ (tertakluk kepada jumlah minima RM100 sehari) 	
I	PENYERAHAN ARTWORK AKHIR (FINAL ARTWORK) DAN SALINAN INDUK (MASTERFILE)	
I1	<p><u>Menyerahkan Artwork Akhir (Final Artwork) dan Salinan Induk (Masterfile):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menyerahkan dua (2) salinan softcopy Artwork Akhir (Final Artwork) dalam bentuk CD dalam format PDF dan Adobe InDesign untuk 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2018' dan juga Kertas Kulit CD kepada SME Corp. Malaysia Menyerahkan dua (2) salinan Salinan Induk (Masterfile) (iaitu fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) bagi Artwork Akhir (Final Artwork) untuk 'Laporan Tahunan 2018' dan juga Kertas Kulit CD kepada SME Corp. Malaysia 	

(sila kemukakan kertas tambahan sekiranya terdapat sebarang Catatan tambahan yang ingin dikemukakan bagi menyokong tawaran)

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :